

PRAKTIS MATEMATIK MPAK SPM 2020

1. Rajah menunjukkan tiga keping kad nombor.

595 754	289 633	495 162
---------	---------	---------

(a) Cari **beza** di antara nombor yang terbesar dan nombor yang terkecil. [2 markah]

- =

(b) Bundarkan nombor yang terbesar kepada ratus ribu yang terdekat. [1 markah]

2. Rajah menunjukkan satu kad nombor.

6 457 092

(a) Tulis nombor itu dalam perkataan. [1 markah]

(b) Bundarkan nombor yang terbesar kepada ratus yang terdekat. [1 markah]

3. Rajah menunjukkan sebuah segi empat tepat yang dibahagikan kepada beberapa bahagian yang sama besar.



(a) Tulis pecahan bahagian yang berlorek daripada seluruh rajah itu dalam bentuk termudah. [1 markah]

(b) Nyatakan nilai pecahan itu dalam nombor perpuluhan. [1 markah]

4. (a) Harga satu set sofa ialah RM2500.00. Damia membeli set sofa itu dan mendapat diskaun 20%. Hitung nilai wang yang dapat diijamatkan.
[1 markah]

(b) Hitung harga baharu bagi yang berikut:

Harga asal : RM920.00

Peratus diskaun : 40%

[2 markah]

5. (a) Ramesh bertolak dari Kuala Lumpur ke Dungun pada jam 1030. Perjalanan itu mengambil masa 6 jam 10 minit. Pada pukul berapakah dia tiba di Dungun.
Nyatakan jawapan dalam sistem 12 jam. [2 markah]

(b) Sebuah kapal terbang berlepas dari KLIA ke Kota Kinabalu pada pukul 6:45 pagi. Kapal terbang itu tiba di Kota Kinabalu pada pukul 9:20 pagi. Berapa lamakah tempoh penerbangan itu?

[2 markah]